

01/07/1999

Dr Mahathir lawat Pulau Pinang

BUTTERWORTH, Rabu - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali melakukan lawatan kerja dua hari ke Pulau Pinang, mulai esok.

Dr Mahathir mempunyai program lawatan yang ketat, termasuk menghadiri dua perhimpunan bersama rakyat yang dijangka dihadiri lebih 40,000 orang.

Mereka dijadualkan tiba dengan pesawat khas di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Butterworth pada jam 8.45 pagi.

Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon berkata orang ramai yang ingin menyambut kedatangan Perdana Menteri, boleh berkumpul di pangkalan itu mulai jam 8 pagi.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri majlis memperbaharui ikrar kakitangan Majlis Perbandaran Seberang Prai (MPSP), di sini, hari ini.

Perdana Menteri kemudian berlepas ke Penang Golf Resort, Bertam, di sini untuk mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno dan Barisan Nasional (BN), di diikuti lawatan ke projek tanaman sayur di Kampung Lembah Raja, Pinang Tunggal di Seberang Prai Utara.

Koh berkata selepas lawatan itu, Perdana Menteri akan menyertai perhimpunan bersama rakyat di Padang Sekolah Menengah Kebangsaan Guar Perahu di kawasan parlimen Permatang Pauh.

(END)